



Peperiksaan Pegawai Tadbir Diplomatik M41 (PTD) sesi ambilan 2017/2018 kini hanya mempunyai 2 Seksyen penilaian berbeza. Di bawah merupakan [Contoh Soalan Matematik PTD](#).

Ambil perhatian jenis soalan yang di tanya dan cuba lakukan pengiraan dan bandingkan jawapan anda dengan jawapan yang diberikan.

### Contoh soalan Matematik

1.  $22 \times 14 - 972 \div 9 =$

- A. 108            **B. 200**  
C. 208            D. 308

**Penyelesaian:**

$$(22 \times 14) - (972 \div 9) \\ = 200$$

**Jawapan = B**

2.  $84 - 16 \times 93 + 72 \div 5 =$

- A.  $84 - (16 \times 93) + (72 \div 5)$**   
B.  $84 - (16 \times 93 + 72) \div 5$   
C.  $(84 - 16) \times 93 + 72 \div 5$   
D.  $84 - 16 \times 93 + 72 \div 5$

**Penyelesaian:**

- Selesaikan operasi bahagi atau darab terlebih dahulu.
- Letak kurungan untuk nampak lebih jelas

**Jawapan = A**

3. Anas membeli 50 kotak coklat dan setiap kotak mengandungi 215 biji gula-gula. Anas kemudiannya membungkus semua gula-gula itu secara sama banyak ke dalam 25 paket. Berapa biji coklatkah yang terdapat dalam setiap paket?

- A. 325            B. 350  
C. 425            **D. 430**

**Penyelesaian:**

$$215 \times 50 = 10,750 \\ 10,750 \div 25 = 430$$

**Jawapan = D**

4. Harga sebuah beg ialah RM 95 dan harga sebuah dompet ialah RM 11 kurang daripada harga sebuah beg. Kirakan jumlah harga bagi 22 buah beg dan 33 buah dompet yang sama.

- A. RM 2090            **B. RM 4862**  
C. RM 4983            D. RM 4762

**Penyelesaian:**

Dompot = RM 95 – RM 11 = RM 84  
33 dompet = RM 84 X 33 = RM 2772  
22 beg = RM 95 x 22 = RM 2090  
Jumlah = RM 2772 + RM 2090 = RM 4862

**Jawapan = B**

5. Butik Rias menjual sehelai baju melayu dengan harga RM 127 sepasang, sehelai kain sampin dengan harga RM 88 dan sehelai baju kurung moden dengan harga RM 290 sepasang. Tuan Luqman mempunyai wang sejumlah RM 1713. Dia membeli 3 pasang baju melayu, sehelai kain sampin dan 4 pasang baju kurung moden. Berapakah baki wang yang tinggal?

- A. RM 84            B. RM 172  
C. RM 247         D. RM 1541

**Penyelesaian:**

Baju melayu = 3 x RM 127 = RM 381  
Sampin = RM 88  
Kurung Moden = 4 x RM 290 = RM 1160  
Jumlah = RM 381 + RM 88 + RM 1160 = RM 1629  
Baki wang = RM 1713 – RM 1629 = RM 84

**Jawapan = A**

6. Untuk peperiksaan akhir tahun mata pelajaran Sains, 15 mata akan diberikan kepada setiap jawapan yang betul, -7 untuk setiap jawapan yang salah dan 33 markah bonus untuk setiap calon. Wai Kit telah menjawab 44 soalan dengan betul dan 6 soalan yang salah. Maka, jumlah markah yang diperoleh adalah

- A. 618            **B. 651**  
C. 702            D. 735

**Penyelesaian:**

Jawapan betul = 44 x 15 = 660  
Jawapan salah = 6 x ( -7) = -42  
Bonus= 33  
Jumlah markah = 660 + (-42) + 33 = 651

**Jawapan = B**

7. Seorang pelajar mengukur suhu sebikar air. Suhu awal ialah 20OC. Berapakah suhu akhir selepas 5 minit jika suhu naik 25OC setiap minit.

- A. 45 OC      B. 125 OC  
C. 105 OC     D. 145 OC

**Penyelesaian:**

$$25 \times 5 = 125$$
$$125 + 20 = 145$$

**Jawapan = D**

8. Hasil tambah 5 gandaan pertama bagi 3 ialah

- A. 15            B. 45  
C. 30            D. 55

**Penyelesaian:**

Sifir 3 = 3, 6, 9, 12, 15

$$3 + 6 + 9 + 12 + 15 = 45$$

**Jawapan = B**

9.  $223 \times 3000 =$

- A. 669000      B. 223000  
C. 696000      D. 666000

**Penyelesaian:**

$$223 \times 3 = 669$$
$$669 \times 1000 = 669000$$

**Jawapan = A**

10.  $(25 \times 9) \times (11 \times 4) =$

- A.  $(25 \times 3) \times (11 \times 16)$       B.  $(25 \times 9) \times (55 \times 2)$   
C.  $(5 \times 15) \times (11 \times 12)$       D.  $(5 \times 45) \times (44 \times 2)$

**Penyelesaian:**

$$25 \times 9 = 5 \times 5 \times 3 \times 3 = (5 \times 5 \times 3) \times 3 = (5 \times 15) \times 3$$
$$11 \times 4 \times 3 = 11 \times 12$$

**Jawapan = C**

11.  $7 \times 96 =$

A.  $(600 + 70)$

C.  $(7 \times 9) + (7 \times 6)$

B.  $(7 \times 90) + (7 \times 10)$

D.  $(7 \times 100) - (7 \times 4)$

**Penyelesaian:**

$7 \times 100 = 700$

$7 \times 4 = 28$

$700 - 28 = 672$

$7 \times 96 = 672$

**Jawapan = D**

12.  $5 \times 67 =$

A.  $(67 \times 10) \div 2$

C.  $(6 \times 7) \times 5$

B.  $(67 \times 2) + (67 \times 2)$

D.  $(5 \times 6) + (5 \times 7)$

**Penyelesaian:**

$67 \times 10 = 670$

$670 \div 2 = 335$

Bandingkan  $5 \times 67 = 335$

**Jawapan = A**

12. Apakah nombor seterusnya 4, 10, 16, 22

A. 26

B. 38

C. 44

D. 28

**Penyelesaian:**

$4 + 6 = 10$

$10 + 6 = 16$

$16 + 6 = 22$

$22 + 6 = 28$

**Jawapan = D**

13.  $0.6 (5 + 0.9 - 0.009) =$

A. 35.346

B. 3.5346

C. 353.46

D. 3532.6

**Penyelesaian:**

$5 + 0.9 - 0.009 = 5.891$

$5.891 \times 0.6 = 3.5346$

**Jawapan = B**

14. Selesaikan  $3.34 \times 6 - 10.8 \div 1.2$ .

- A. 11.04      B. 19.14  
C. 19.95      D. 11.05

**Penyelesaian:**

$$3.34 \times 6 = 20.04$$

$$10.8 \div 1.2 = 9$$

$$20.04 - 9 = 11.04$$

**Jawapan = A**

15. Purata jisim 6 biji durian ialah 2.087 kg. Jisim 3 biji durian masing-masing ialah 1.39 kg, 1.5kg dan 2.03 kg. Kirakan jisim purata bagi 3 biji durian yang lain?

- A. 2.534 kg      B. 4.92 kg  
C. 7.53 kg      D. 12.522 kg

**Penyelesaian:**

$$2.087 \times 6 = 12.522$$

$$1.39 + 1.5 + 2.03 = 4.92$$

$$12.522 - 4.92 = 7.602$$

$$7.602 \div 3 = 2.534 \text{ kg}$$

**Jawapan = A**

16. Aishah membeli 280 kotak air minuman dengan harga RM 1400. Jika 15 daripada kotak air minuman telah rosak dan bakinya dijual dengan harga RM 5.50, berapakah keuntungan yang diperoleh Aishah sekiranya air minuman itu habis dijual?

- A. RM 5.75      B. RM 5.50  
C. RM 57.50      D. RM 55.00

**Penyelesaian:**

$$280 - 15 \text{ (rosak)} = 265 \text{ (yang masih baik)}$$

$$265 \times 5.5 = \text{RM } 1457.50 \text{ (harga jual)}$$

$$\text{Keuntungan} = \text{RM } 1457.50 \text{ (harga jual)} - \text{RM } 1400 \text{ (harga beli)} = \text{RM } 57.50$$

**Jawapan = C**

17. Seutas tali sepanjang 154.4 m digunakan untuk memagar sebuah kolam ikan berbentuk segiempat sama. Cari panjang satu sisi kolam ikan tersebut.

- A. 38 m 6 cm                      **B. 38 m 60 cm**  
C. 38 m 66 cm                    D. 38 m 86 cm

**Penyelesaian:**

$$154.4 \div 4 = 38.6 \text{ m}$$

$$1 \text{ m} = 100 \text{ cm}$$

$$0.6 \text{ m} = 60 \text{ cm}$$

**Jawapan : B**

18. 7 tan 29 kg – 3 tan 145 kg=

- A. 4 tan 84 kg                      B. 4 tan 884 kg  
C. 3 tan 84 kg                      **D. 3 tan 884 kg**

**Penyelesaian:**

$$1 \text{ tan} = 1000 \text{ kg}$$

$$\begin{array}{r} 6 \text{ tan } 1029 \text{ kg} \\ - 3 \text{ tan } 145 \text{ kg} \\ \hline 3 \text{ tan } 884 \text{ kg} \end{array}$$

**Jawapan : D**

19. Alice berumur 49 tahun 1 bulan. Amar pula 3 tahun 7 bulan lebih muda daripada Alice. Berapakah umur Amar 5 tahun akan datang?

- A. 52 tahun 8 bulan                      B. 57 tahun 8 bulan  
**C. 50 tahun 6 bulan**                      D. 45 tahun 6 bulan

**Penyelesaian:**

$$1 \text{ tahun} = 12 \text{ bulan}$$

$$49 \text{ tahun } 1 \text{ bulan} = 48 \text{ tahun } 13 \text{ bulan}$$

$$\begin{array}{r} 48 \text{ tahun } 13 \text{ bulan} \\ - 3 \text{ tahun } 7 \text{ bulan} \\ \hline 45 \text{ tahun } 6 \text{ bulan} \end{array}$$

$$\text{Umur 5 tahun akan datang: } 45 \text{ tahun } 6 \text{ bulan} + 5 \text{ tahun} = 50 \text{ tahun } 6 \text{ bulan}$$

**Jawapan : C**

20. Tae Joon bekerja sambilan di Mc Donald dengan bayaran RM 5.50 sejam. Dia bekerja 9 jam sehari , termasuk membuat kerja lebih masa selama 4 jam pada setiap hari Sabtu dan Ahad.

Jika bayaran lebih masa adalah RM 4.00 sejam, berapakah gajinya untuk 3 minggu?

- A. RM 1071.50                      B. RM 1039.50  
C. RM 1135.50                      D. RM 1351.50

**Penyelesaian:**

RM 5.50 x 9 jam = RM 49.50 sehari

RM 49.50 x 7 hari x 3 minggu = RM 1039.50 (masa kerja biasa)

RM 4 x 4 jam x 2 hari x 3 minggu = RM 96 (kerja lebih masa)

Jumlah : RM 1039.50 + RM 96 = RM 1135.50

**Jawapan = C**

21. Cari waktu bagi 6 jam 19 minit selepas jam 1330.....

- A. 7.49 AM                      B. 7.49 PM  
C. 9.49 AM                      D. 9.49 M

**Penyelesaian:**

1330

+0619

1949 = 7.49 PM

**Jawapan = B**

22. Anis mengambil masa 8 jam 45 minit untuk bergerak dari Mersing ke Ipoh. Dia tiba di Ipoh pada jam 1820. Pada pukul berapakah Anis bertolak dari Mersing?

- A. 9.35 AM                      B. 9.35 PM  
C. 10.25 AM                      D. 10.40 PM

**Penyelesaian:**

1820 – 0845 = 0935

**Jawapan = A**



Set soalan Peperiksaan Pegawai Tadbir Diplomatik M41 versi updated akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

Ingin menjadi yang terawal mendapatkan panduan yang kami keluarkan? Ikut langkah di bawah.

Pastikan anda alert dengan hebahan yang kami lakukan melalui chanel berikut.

Hebahan tempahan panduan hanya akan dilakukan terus melalui chanel berikut sahaja. Jangan terlepas!!!

### **Chanel Telegram**

<https://telegram.me/peperiksaanptd>

### **Fanpage Rasmi Jawatan Kosong Sektor Kerajaan**

<https://fb.me/examptd>

<https://fb.me/jawatankosongsektorkerajaan>

### **Daftar Ke Sistem Mailing List PTD**

<http://www.examptd.info/limited-rujukan-khas-peperiksaan-ptd/>